Lee Teik Wei lwn Tan Chuin Luan

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — SAMAN PEMULA NO 24F-32–09 TAHUN 2014
AZMI ARIFFIN PK
3 NOVEMBER 2015

Undang-Undang Keluarga — Anak-anak — Hak penjagaan — Permohonan — Hujahan bahawa perangai dan tingkah laku bapa pelik dan luar biasa — Sama ada akan memberi impak pada anak — Sama ada nafkah menanggung kos kehidupan anak keterlaluan — Pihak yang sebenarnya berhak mendapatkan hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan

Plaintif dan defendan telah berkahwin dan dikurniakan seorang anak perempuan ('LSY'). Sejak dilahirkan, LSY dijaga oleh ibu bapa plaintif namun defendan telah membawa anak tersebut ke rumah ibunya dan di situ akhirnya anak tersebut tinggal dan dipelihara oleh defendan dan ibu defendan di Pulau Pinang. Plaintif cuba menghubungi defendan melalui telefon tetapi panggilan tidak dijawab. Plaintif cuba untuk melawat LSY tetapi telah dihalang dengan kekerasan oleh defendan dan keluarganya. Plaintif memfailkan permohonan terhadap defendan dan memohon perintah-perintah agar diberi hak penjagaan dan kawalan LSY; defendan diberi hak akses munasabah melawat anak tersebut di rumah plaintif dan dibenarkan keluar jika sekiranya kanak-kanak tersebut bersetuju untuk mengikut defendan; selanjutnya atau secara alternatif kawalan penjagaan anak tersebut secara bersama di mana plaintif dan defendan diberikan akses selang satu minggu; dan plaintif memohon akses bermalam dari 8 pagi hari Sabtu sehingga 10 malam Ahad berikut setiap minggu serta pada hari cuti umum diberikan kepada plaintif. Defendan menghujahkan bahawa perangai dan tingkah laku plaintif yang pelik dan luar biasa amat mengelirukan sama ada plaintif seorang bapa atau ibu. Keadaan ini akan memberikan impak yang negatif dari segi psikologi serta mental anak. Berkaitan isu nafkah, defendan memohon agar RM1,500 sebulan dibayar oleh plaintif untuk tujuan keperluan anaknya memandangkan plaintif bertanggungjawab sebagai bapa untuk menanggung kos kehidupan anak tersebut. Isu yang harus diputuskan adalah siapa yang sebenarnya berhak mendapatkan hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan anak tersebut.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Kebajikan anak ini pada jangka masa panjangnya berpihak kepada defendan. Walau bagaimana pun, memandangkan plaintif adalah bapa kepada anak tersebut, maka akses yang munasabah juga wajar diberikan kepadanya. Plaintif diberikan hak akses untuk melawat anak tersebut

setiap hari Sabtu (setiap minggu) dari jam 9 pagi hingga 8 malam mulai 21 November 2015 (lihat perenggan 31–32).

(2) Tidak dinafikan bahawa sejak dilahirkan anak perempuan ini telah dijaga oleh ibu bapa plaintif sehinggalah defendan membawa anak tersebut balik ke rumah ibunya hingga kini. Meskipun mahkamah ini menerima hakikat bahawa doktor pakar psikologi mengesahkan bahawa plaintif tidak mempunyai apa-apa masalah mental dan plaintif mampu memberi makanan, tempat tinggal serta rawatan perubatan yang baik, namun tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan telah mengabaikan kebajikan anak ini sehingga menyebabkan kehidupannya penuh dengan penderitaan akibat kesakitan, kelaparan atau mengalami kecederaan serius tanpa diberi rawatan perubatan dan sebagainya (lihat perenggan 25 & 27).

(3) Defendan memohon nafkah sebanyak RM1,500 sebulan untuk anak tersebut mulai Mei 2014 memandangkan mengikut defendan telah membuat pengorbanan untuk berhenti bekerja untuk memelihara anaknya itu. Pada ketika itu, defendan mempunyai gaji bulanan sebanyak RM2,640. Walaupun apa sekali pun, satu fakta yang tidak dapat dipertikaikan adalah defendan kini tidak lagi bekerja dan anak tersebut kini berada dalam jagaan defendan. Plaintif yang mempunyai pekerjaan yang tetap dan stabil sebagai seorang jurutera pasti mampu memberi nafkah bagi memenuhi keperluan anaknya seperti pemberian makanan, pakaian, perubatan dan sebagainya (lihat perenggan 33–34).

(4) Berdasarkan kos sara hidup yang semakin meningkat serta tanggungan lain yang terpaksa dipikul oleh plaintif seperti membayar hutang bank, kad kredit dan sebagainya, maka mahkamah memerintahkan agar plaintif membayar nafkah anak sebanyak RM800 sebulan mulai bulan Januari 2015. Bayaran tunggakan sebanyak RM8,800 hendaklah dijelaskan sepenuhnya oleh pihak plaintiff pada atau sebelum 31 Mac 2016 (lihat perenggan 35).

[English summary

The plaintiff and the defendant were married and had a daughter ('LSY'). Since birth, LSY was taken care by the plaintiff's parents but the defendant took the child to her mother's house and it was there in Penang that the child lived and was cared for by the defendant and her mother. The plaintiff tried contacting the defendant via telephone but his calls were unanswered. The plaintiff tried to visit LSY but was restricted with force by the defendant and her family. The plaintiff filed an application against the defendant, seeking for orders that he be given custody and control of LSY; the defendant be given reasonable access to visit the child at the plaintiff's house and allowed to go out if the child agrees to follow the defendant; further and in alternative, shared custody of the child where the plaintiff and the defendant be given a week's gap of access; and the

plaintiff applied for access to stay overnight from 8am Saturday until 10pm the following Sunday and for public holidays to be given to the plaintiff. The defendant submitted that the plaintiff's weird acts made it questionable as to whether the plaintiff was a father or a mother. This would give a negative psychological impact to the child's mental health. On the issue of maintenance, the defendant claimed for RM1,500 to be paid monthly by the plaintiff for the child's necessities since the plaintiff, as a father, was responsible to bear the child's cost of living. The issue that must be determined was whether who was entitled to custody, control and guardianship of the child.

Held, dismissing the application:

(1) The welfare of the child in the long run was in favour of the defendant. However, since the plaintiff was the father of the child, reasonable access ought to be given to him. The plaintiff was given access to visit the child every Saturday (every week) from 9am to 8pm fro 21 November 2015 (see paras 31–32).

(2) It was not disputed that since birth, the child was cared for by the plaintiff's parents until the defendant brought the child back to her mother's house. Even though the court accepted that the psychologist confirmed that the plaintiff did not have any mental problem and the plaintiff was capable of providing food, home and good medical care, there was no evidence that showed the defendant neglected the child's welfare to the extent that the child's life was miserable due to sickness, hunger or sustained any serious injuries without being given any medical attention (see paras 25 & 27).

(3) The defendant claimed for the child's welfare in the sum of RM1,500 a month starting from May 2014 since according to the defendant, she had sacrificed by not working to take care of the child. At the material time, the defendant was earning RM2,640 a month. Nevertheless, it was undisputed fact that the defendant was no longer working and the child was under the defendant's care. The plaintiff who had a fixed and stable job as an engineer could surely afford to provide maintenance for the child's necessities such as providing food, clothes, medical care and so on (see paras 33–34).

(4) Based on the increasing cost of living and other responsibilities carried by the plaintiff such as paying banking debts, credit cards and so on, the court ordered the plaintiff to pay the child's maintenance in the sum of RM800 a month starting from January 2015. Owing payments in the sum of RM8,800 must be fully made by the plaintiff on or before 31 March 2016 (see para 35).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai hak penjagaan, lihat 7(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) paras 3815–3871.

Kes-kes yang dirujuk

Aravindraj Chandrasekaran v Renu Kumari Rai [2015] 1 LNS 150, MT (dirujuk)
Kalyani a/p Subramaniam v Mahalingam a/l Padavettan [1997] MLJU 184; [1997] 3 CLJ 445, MT (dirujuk)
Khoo Cheng Nee v Lubin Chiew Pau Sing [1996] 1 LNS 579, MT (dirujuk)
Mahabir Prasad v Mahabir Prasad [1982] 1 MLJ 189, MP (dirujuk)
Tan Siew Kee v Chua Ah Boey [1988] 3 MLJ 20, MT (dirujuk)
Thavamani Deve a/p Govindasamy v N Sugumaran a/l Neelmehan & Anor [1996] 4 MLJ 195; [1995] 1 LNS 246, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 ss 88(2), (2)(a), (3), 92, 93
Guardianship Of Infants Act 1961 s 5

Loh Tze Wei (K Ahmad & Yong) bagi pihak plaintif.
Ooi Siew Kim (Ooi Siew Kim & Co) bagi pihak defendan.

Azmi Ariffin PK:

MUKADIMMAH

[1] Plaintif (seorang jurutera) telah memfailkan permohonan melalui saman pemula terhadap isterinya (seorang suri rumahtangga) bertarikh 3 September 2014 di lampiran 1 dan telah memohon perintah-perintah berikut:

(a) bahawa plaintif diberi hak penjagaan dan kawalan anak perempuan LEE SZE YING yang berumur kira-kira tiga tahun enam bulan (No Surat beranak CQ 97028);

(b) defendan diberi hak akses munasabah melawat anak tersebut di rumah plaintif dan dibenarkan keluar jika sekiranya kanak-kanak tersebut bersetuju untuk mengikut defendan;

(c) selanjutnya atau secara alternatif nya kawalan penjagaan anak tersebut secara bersama di mana plaintif dan defendan diberikan akses selang satu minggu (*alternate week*); dan

(d) selanjutnya atau secara alternatifnya sekiranya mahkamah berpendapat kawalan dan penjagaan anak tersebut diberikan kepada defendan, plaintif memohon akses bermalam iaitu dari 8 pagi hari Sabtu sehingga

10 malam Ahad berikut setiap minggu serta pada hari cuti umum diberikan kepada plaintif;

FAKTA KES SECARA RINGKAS

[2] Plaintif dan defendan telah berkahwin secara sah dan perkahwinan mereka telah didaftarkan pada 22 Oktober 2010 di Jabatan Pendaftaran Perkahwinan di Pulau Pinang.

[3] Selepas perkahwinan, plaintif dan defendan tinggal di 11–6-E, Green Park Kondominium, Pulau Pinang.

[4] Pada 2 Januari 2013 pasangan ini telah dikurniakan seorang anak perempuan yang kemudiannya dinamakan Lee Sze Ying. Bayi ini dilahirkan di Hospital Bersalin Pulau Pinang.

[5] Sejak dilahirkan anak perempuan ini telah dijaga oleh ibu bapa plaintif di Alor Setar, Kedah. Pada 16 Mei 2014, defendan telah membawa anak tersebut ke rumah ibunya dan di situ akhirnya anak tersebut tinggal dan dipelihara oleh defendan dan ibu defendan di Pulau Pinang.

PENGHUJAHAN PLAINTIF

[6] Plaintif cuba menghubungi defendan melalui telepon tetapi panggilan tidak dijawab. Plaintif cuba untuk melawat anak perempuannya tetapi telah dihalang dengan kekerasaan oleh defendan dan keluarganya.

[7] Pada 29 Julai 2014, plaintif telah melihat anaknya untuk beberapa minit dari celah-celah pintu palang besi dan mendapati anaknya kelihatan sedih, tidak bahagia, tidak bersemangat, tidak aktif dan tidak cergas.

[8] Maka dengan itu, plaintif di dalam penghujahannya memohon perkara-perkara berikut:

(a) hak penjagaan dan kawalan ke atas anak tersebut kerana plaintif adalah bapa kandungnya. Seksyen 5 Guardianship of Infants Act 1961 dirujuk yang mana antara lain peruntukan seksyen ini menyatakan 'the rights and authority of mother and father shall be equal';

Seksyen 88 (1) dan (2)(a) Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 memperuntukkan:

> 88 (1) The court may at any time by order place a child in the custody of his or her father or her mother or, where there are exceptional circumstances making it undesirable that the child by entrusted to either parent, of any other relative of the child or of any association the objectis of which include

child welfare or to any other suitable person.

(2) In deciding in whose custody a child should be placed the paramount consideration shall be the welfare of the child and subject to this the court shall have regard:

(a) to the wishes of the parents of the child;

(b) anggapan bahawa anak adalah lebih baik untuk bersama ibu nya boleh disangkalkan berdasarkan kepada beberapa keputusan-keputusan kes dibawah ini yang menegaskan bahawa kebajikan anak adalah berdasarkan kepada proses penimbangan kesemua fakta yang relevan. Di antara kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

(i) *Thavamani Deve a/p Govindasamy v N Sugumaran a/l Neelmehan & Anor* [1996] 4 MLJ 195; [1995] 1 LNS 246;

(ii) *Aravindraj Chandrasekaran v Renu Kumari Rai* [2015] 1 LNS 150; dan

(iii) *" procphrase="v">Khoo Cheng N[e9a520]v Lubin Chiew Pau Sing* [1996] 1 LNS 579

.

[9] Plaintif mempunyai hubungan erat dengan anaknya kerana plaintif telah menjaga anaknya sejak dilahirkan sehingga usia anak itu sekitar dua tahun empat bulan apabila anak ini kemudiannya dilarikan oleh defendan.

[10] Pakar psikologi mengesahkan keadaan mental dan fizikal anak tersebut tidak akan terjejas kerana keinginan semulajadi plaintif untuk menjadi perempuan akan hanya memberi manfaat dari segi kasih sayang kerana kerana anaknya juga adalah jantina perempuan.

[11] Pakar psikologi juga mengesahkan bahawa plaintif tidak mempunyai sebarang masalah mental.

[12] Defendan mengetahui, menerima dan menggalakkan plaintif untuk menjadi seorang perempuan sejak menjalin hubungan sebagai teman lelaki dan teman perempuan. Ini berdasarkan kepada perbualan plaintif dan defendan melalui Skype, beserta barang-barang keperluan wanita yang dibelikan dan diberikan oleh defendan kepada plaintif dan sebagainya.

[13] Keadaan mental defendan dipersoalkan kerana perbuatan defendan melarikan anak, memburukkan plaintif dan keluarganya kepada orang lain dan sebagainya.

[14] Beberapa hujung gigi anak perempuan ini telah patah semasa berada di

dalam jagaan defendan. Malah badan anak ini telah menjadi kurus, tidak ceria, berdiam diri, kelihatan sedih dan sebagainya.

[15] Plaintif berkebolehan memberi pimpinan, menyediakan makanan, tempat tinggal yang tetap, pakaian, rawatan perubatan serta kehidupan yang mantap kepada anaknya.

[16] Pembayaran nafkah sebanyak RM1,500 adalah terlalu tinggi untuk menanggung anak perempuan mereka. Tambahan lagi defendan tidak pernah meminta nafkah semasa plaintif dan defendan menghadiri pertemuan Majlis Perdamaian/Tribunal Perkahwinan pada 1 Julai 2014 dan 4 November 2014. Malah Badan Pendamai/Tribunal juga merekodkan tiada nafkah telah disyorkan. Defendan tidak menafikan fakta tersebut. Defendan juga tidak boleh di sisi undang-undang memohon untuk nafkah kerana defendan yang memilih untuk melarikan diri.

[17] Bantahan defendan hanya berdasarkan diskriminasi terhadap identiti jantina plaintif. Defendan gagal membuktikan plaintif tidak boleh dan tidak mampu memberi jagaan dan kasih sayang kepada anaknya.

[18] Plaintif berhak mendapat perlindungan yang dijamin oleh artikel 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan. Manakala anak plaintif pula berhak untuk mendapat perlindungan yang sama di bawah konvensyen-konvensyen antarabangsa.

PENGHUJAHAN DEFENDAN

[19] Perangai dan tingkah laku plaintif yang pelik dan luar biasa amat mengelirukan samada plaintif ini seorang bapa atau ibu. Keadaan in akan memberikan impak yang negatif dari segi psikologi serta mental anak. Seksyen 88(2) dan (3) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 dijadikan sebagai bahan rujukan.

[20] Berkaitan isu nafkah, defendan memohon agar wang berjumlah RM1,500 sebulan dibayar oleh plaintif mulai Mei 2014 untuk tujuan keperluan anaknya memandangkan plaintif bertanggunjawab sebagai seorang bapa untuk menanggung kos kehidupan anak tersebut. Rujukan dibuat kepada s 92 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 berkaitan kewajipan bagi menanggung nafkah anak-anak.

[21] Kos prosiding ditanggung oleh plaintif.

ISU YANG HARUS DIPUTUSKAN

[22] Siapakah yang sebenarnya berhak untuk mendapatkan hak jagaan, kawalan dan pemeliharaan anak tersebut, sama ada plaintif ataupun defendan?

DAPATAN MAHKAMAH TINGGI INI

[23] Bagi menentukan siapakah yang berhak untuk mendapat hak jagaan dan kawalan ke atas anak perempuan tersebut, adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa kebajikan anak tersebut seharusnya diberikan keutamaan. Lain-lain faktor hanyalah dianggap sebagai faktor sampingan sahaja. Namun maksud kebajikan itu sendiri adalah sesuatu yang luas untuk ditafsirkan. Ini jelas di nyatakan di dalam kes *Tan Siew Kee v Chua Ah Boey* [1988] 3 MLJ 20 di mana mahkamah memutuskan seperti berikut:

> The expression 'welfare' under section 3 of the Guardianship of Infant Act is to be taken in its widest sense. It means the general well-being of the child and all aspect of his upbringing, religious, moral as well as physical. His happiness, comfort and security also got to make up his well-being. It is not to be measured in monetary terms.

[24] Anak perempuan ini hanya berusia lebih tiga tahun sahaja dan adalah sesuatu yang tidak dapat dinafikan bahawa anak yang sekecil ini sangat-sangat memerlukan kasih sayang dan perhatian daripada penjaganya. Di sini defendan sebagai ibu mempunyai kelebihan. Oleh kerana anak perempuan ini adalah berusia bawah daripada tujuh tahun, maka anggapan yang boleh dipatahkan (rebuttable presumption) di bawah s 88 (3) Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1976 adalah terpakai. Peguam plaintif menghujahkan bahawa mahkamah ini harus mengambil pertimbangan bahawa anak tersebut telah mantap dengan kehidupan bersama plaintif dan ibu-bapa plaintif dan stabiliti kehidupan ini sewajarnya dikekalkan. Namun begitu, pihak plaintif masih tetap dikehendaki untuk mematahkan anggapan di bawah seksyen tersebut.

[25] Tidak dinafikan bahawa sejak dilahirkan anak perempuan ini telah dijaga oleh ibu bapa plaintif di Alor Setar, Kedah sehinggalah pada 16 Mei 2014 bila defendan telah membawa anak tersebut yang pada ketika itu berusia lebih kurang dua tahun empat bulan membawanya balik dan terus ke rumah ibu defendan dan sehingga kini anak tersebut berada di dalam jagaan defendan sepenuh masa setelah defendan berhenti bekerja. Sebarang perubahan kepada penjagaan yang sedia ada pastinya akan menjejaskan kehidupan dan kesejahteraan anak tersebut.

[26] Di dalam kes *Kalyani a/p Subramaniam v Mahalingam a/l Padavettan* [1997] MLJU 184; [1997] 3 CLJ 445, Hakim Zaleha Zahari (beliau pada

ketika itu) memutuskan seperti berikut:

> At the time of filing of the application both childred are under 7 years of age. The presumption under s 88(3) of the Act applies. The laws in its wisdom insist that it is for the good of the child that de factor care, control and children under the age of 7 years should be given to the mother. Whatever failings the plaintiff may now have as a wife, there is no material whatsoever presented before me to show that she is an unsuitable person to have the day to day are of the said chidren. In *Re B* [1962] 1 AER 872 Harman LJ said a child young enough to need the day to day care of his/her mother, it is better to leave the child with the mother unless the mother is an entirely unsuitable person. In the same case Donovan LJ said 'prima facie a child of this age ought to remain with his mother and strong grounds are required to justify taking it away. I agree that there is no rule of law to that effect but certainly it is the natural law and one that should if possible prevail.

[27] Di dalam kes di hadapan saya ini, saya mendapati bahawa tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan tidak layak untuk menjaga anak tersebut. Meskipun mahkamah ini menerima hakikat bahawa doktor pakar psikologi mengesahkan bahawa plaintif tidak mempunyai sebarang masalah mental dan plaintif mampu memberi makanan, tempat tinggal serta rawatan perubatan yang baik, namun hakikat yang harus diterima oleh plaintif adalah tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa bahawa defendan telah mengabaikan kebajikan anak ini sehingga menyebabkan kehidupan anak ini penuh dengan penderitaan akibat kesakitan, kelaparan atau mengalami kecederaan serius tanpa diberi rawatan perubatan dan sebagainya.

[28] Pihak plaintif menghujahkan bahawa kebajikan moral anak tersebut bersama defendan dipertikaikan kerana bersalah melarikan anak tersebut dari jagaan plaintif dan ibu bapa plaintif. Malah plaintif juga menegaskan bahawa beliau anak tersebut boleh tinggal di kondominium yang lebih selesa berbanding dengan tempat tinggal defendan di flat sahaja. Meskipun fakta keselesaan ini diketengahkan oleh plaintif sebagai alasan penghujahannya, namun begitu mahkamah di dalam proses membuat sesuatu keputusan seharusnya meneliti keseluruhan fakta/keterangan yang telah dikemukakan dan tidak melihatnya secara berasingan. Dengan izin,

[29] Although the plaintiff and his parents have done well in looking after the plaintiff daughter for almost two years four month, but one cannot help to think that the daughter ultimately needs the love and affection of her natural mother. The kind of love that cannot be replaced even with the love and affection of the grandparents. Naturally, she must have becomes more attached to the defendant. The defendant must be given the chance to continue to love and care for the daughter who is now in her custody. Furthermore, the daughter is still at her tender age, she could still adapt to the changes of the new surrounding. I am also of the opinion that it is highly speculative for the

plaintiff to suggest that living with the defendant will have negative effect on the daughter.

[30] I note that the court has always been cautious in removing a child out of his/her current guardian but this does not mean that it is unprecedented. In fact, the court will not hesitate to do so when it finds that the welfare of the child is best served by another guardian. I refer to Raja Azlan Shah CJ (as he then was) in *Mahabir Prasad v Mahabir Prasad* [1982] 1 MLJ 189 where His Lordship at p 194 held that:

> We are also aware of the damage done to emotional development of children if they are suddenly removed from a known, secure, supporting set of relationships, and thrust among strangers, even if they be some blood relationship with one or more of the strangers. In some cases this may be explored by calling expert evidence; in others, the ordinary experience of the courts is relied upon. But this does not mean that the status quo must always be preserved. It merely means that we must anxiously consider the evidence placed before the court and determine how best to promote the interests and welfare of the children.

[31] Setelah meneliti dan memberi pertimbangan yang sedalam-dalamnya termasuk semua afidavit pihak-pihak serta ikatan otoriti yang telah dikemukakan, dapatlah saya simpulkan di sini bahawa kebajikan anak ini pada jangka masa panjangnya berpihak kepada defendan. Walau bagaimanapun, memandangkan plaintif adalah bapa kepada anak tersebut, maka akses yang manasabah juga wajar diberikan kepada beliau.

[32] Mahkamah dengan ini membuat perintah-perintah berikut:

(a) permohonan plaintif di lampiran 1 untuk diberikan kepadanya hak dan kawalan ke atas anak perempuan Lee Sze Ying ditolak.

(b) plaintif diberikan hak akses untuk melawat anak tersebut setiap hari Sabtu (setiap minggu) dari jam 9 pagi hingga 8 malam mulai 21 November 2015.

[33] Manakala bagi isu nafkah pula, pihak defendan telah memohon nafkah sebanyak RM1,500 sebulan untuk anak tersebut mulai Mei 2014 memandangkan mengikut defendan beliau telah membuat pengorbanan untuk berhenti bekerja demi untuk memelihara anaknya itu yang mana pada ketika itu defendan mempunyai gaji bulanan sebanyak RM2,640. Walaupun apa sekali pun satu fakta yang tidak dapat dipertikaikan adalah defendan kini tidak lagi bekerja dan anak tersebut kini berada di dalam jagaan defendan.

[34] Plaintif yang mempunyai pekerjaan yang tetap dan stabil sebagai seorang jurutera pasti mampu memberi nafkah bagi memenuhi keperluan anaknya seperti pemberian makanan, pakaian, perubatan dan sebagainya. Di

dalam menentukan jumlah nafkah anak yang harus diberikan dan diperintahkan, mahkamah juga ingin merujuk kepada ss 92 dan 93 Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976 yang antara lainnya memperuntukkan seperti berikut:

> 92 Except where an agreement or order of court otherwise provides, it shall be the duty of a parent to maintain or contribute to the maintenance of his or her children, whether they are in his or her custody or the custody of any other person, either by providing them with such accommodation, clothing, food and education as may be reasonable having regard to his or her means and station in life or by paying the cost thereof.
>
> 93 (1) The court may at any time order a man to pay maintenance for the benefit of his child:
>
> (a) if he has refused or neglected reasonably to provide for the child;
>
> (b) if he has deserted his wife and the child is in her charge;
>
> (c) during the pendency of any matrimonial proceedings; or
>
> (d) when making or subsequent to the making of an order placing the child in the custody of any other person.
>
> (2) The court shall have the corresponding power to order a woman to pay or contribute towards the maintenance of her child where it is satisfied that having regard to her means it is reasonable so to order.
>
> (3) An order under subsection (1) or (2) may direct payment to the person having custody or care and control of the child or trustees for the child.

KESIMPULAN

[35] Berdasarkan kepada penghujahan yang dikemukakan dan ikatan autoriti yang telah dilampirkan oleh pihak-pihak serta kos sara hidup yang semakin meningkat serta tanggungan lain yang terpaksa dipikul oleh plaintif seperti membayar hutang bank, kad kredit dan sebagainya, maka mahkamah ini memerintahkan agar plaintif membayar nafkah anak sebanyak RM800 sebulan mulai bulan Januari 2015 sebagai suatu jumlah yang difikirkan munasabah. Bayaran tunggakan sebanyak RM8,800 hendaklah dijelaskan sepenuhnya oleh pihak plaintif pada atau sebelum 31 Mac 2016.

[36] Kos sebanyak RM 2,000 hendaklah dibayar oleh pihak plaintif kepada defendan.

Permohonan ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad